



## SIARAN MEDIA

### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

#### MAJLIS PERASMIAN SAVE OZONE VIRTUAL RIDE SEMPENA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA & ENVIRO VIRTUAL RUN SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGERA PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020

**17 Oktober 2020 (Sabtu)  
Borneo Convention Centre, Kuching**

---

**17 OKTOBER, KUCHING:** Lebih kurang seramai 100 peserta yang terdiri dari kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Sarawak Energy Berhad dan para pemenang program telah menyertai Majlis Perasmian Save Ozone Virtual Ride Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia & Enviro Virtual Run Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020 di Borneo Convention Centre, Kuching. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Sarawak Energy Berhad bersempena dengan sambutan Hari Ozon Sedunia yang disambut pada setiap 16 September dengan tema adalah "*Ozone for life: 35 years of ozone layer protection*" dan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".

Program ini bertujuan untuk mempromosi gaya hidup lestari dan juga bertujuan memberi pendedahan mengenai kepentingan memelihara lapisan ozon di kalangan orang ramai serta meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan isu-isu alam sekitar yang berlaku di sekeliling mereka.

Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020, beberapa program telah dirancang iaitu Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon dan Kesejahteraan Keluarga dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Sarawak (LPPKN) yang telah diadakan pada 27 September 2020 di Dewan Masyarakat Kampung Beladin dan 'Program Save Ozone Virtual Ride' dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad iaitu aktiviti berbasikal secara maya atau reality sejauh 50KM (Ride)

dengan cara norma baru, mengikut dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Prosedur Operasi Standard ditetapkan. Seramai 80 penyertaan telah diterima bagi program tersebut.

Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak pula, beberapa program turut dirancang iaitu Program "HASN Virtual Run 2020" yang melibatkan penyertaan seramai 100 orang, dan program "HASN – Tahukah Anda?" dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad. Selain itu, program Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik dengan kerjasama Syarikat GVE Strategic Waste Sdn. Bhd. telah diadakan pada 3 Oktober 2020 di Metro City Matang, yang juga akan turut diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGTAR) pada 31 Oktober 2020 dan Bahagian Bintulu pada 7 hingga 8 November 2020. Program kolaborasi bersama Syarikat Trienekens (Sarawak) Sdn.Bhd. turut diadakan iaitu Pertandingan Kuiz Radio, Pertandingan Mewarna bersama murid-murid Tabika, Pertandingan Reka Cipta Video Alam Sekitar dan Pertandingan Reka Cipta Bahan Baru Daripada Bahan Buangan. Program selanjutnya adalah Bengkel Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) di Bahagian Kuching yang dicadangkan pada 12 - 13 November 2020 yang bertujuan membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kerjasama dalam keadaan harmoni demi kebaikan bersama menjadi sangat penting terutama dalam keadaan pandemik Coronavirus yang telah membawa pelbagai kesusahan dari segi sosial dan ekonomi. Semua lapisan masyarakat diharapkan terlibat lebih proaktif dalam program komuniti tempatan seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) dan MoU-Rakan Strategik Alam Sekitar yang akan bertindak sebagai mata dan telinga membantu agensi-agensi berwajib memantau aktiviti pencemaran dan menguruskan sumber asli negara dengan lebih cekap.

Program dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Hamzah Bin Mohamad  
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak

**-TAMAT-**